 - f) Seperti yang dinyatakan di bawah peruntukan manfaat dalam lampiran kontrak induk ini.

16. Undang-undang

- 16.1 Kontrak induk ini dan tanggungjawab kami di bawah kontrak induk ini adalah tertakluk kepada undang-undang, syarat-syarat, peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa di Malaysia. Undang-undang, syarat-syarat dan peraturan-peraturan akan meliputi tetapi tidak terhad kepada mana-mana pekeliling, arahan atau garis panduan.
- 16.2 Sekiranya terdapat perbezaan antara peruntukan-peruntukan kontrak induk ini dengan mana-mana undang-undang, syarat-syarat atau peraturan-peraturan, undang-undang, syarat-syarat atau peraturan-peraturan tersebut akan dikuatkuasakan.
- 16.3 Kontrak induk ini akan ditadbir oleh undang-undang Malaysia. Sebarang pertikaian akan diuruskan oleh mahkamah Malaysia.

17. Tindakan undang-undang

- 17.1 Tiada tindakan undang-undang atau dalam ekuiti akan diambil untuk menuntut sebarang manfaat di bawah kontrak induk ini sebelum penamatkan tempoh 2 tahun dari tarikh berlakunya keadaan yang menyebabkan tuntutan.

18. Cukai

- 18.1 Semua cukai, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang cukai barang dan perkhidmatan, dan/atau lain-lain bentuk cukai jualan atau kepenggunaan, sama ada yang berkuatkuasa pada masa ini atau dilaksanakan selepas tarikh sijil takaful akan dikenakan mengikut undang-undang yang berkenaan pada kadar semasa. Jika perlu, kami akan meminda terma-terma kontrak induk ini untuk mengambil kira cukai-cukai sedemikian.

19. Bayaran sumbangan dan tempoh tenggang

19.1 Bayaran sumbangan

Semua sumbangan perlu dibayar pada atau sebelum tarikh sumbangan patut dibayar (seperti yang tertera di dalam sijil takaful atau sebarang pengendorsan pada masa hadapan yang meminda tarikh sumbangan patut dibayar) terus kepada kami.

19.2 Penukaran kekerapan bayaran sumbangan

Tertakluk kepada kelulusan daripada kami, pemilik sijil boleh meminda kekerapan bayaran sumbangan dengan memberi notis secara bertulis kepada kami sebelum tempoh tenggang tamat.

19.3 Tempoh tenggang

Jika pemilik sijil tidak membayar sumbangan pada atau sebelum tarikh patut dibayar, kami akan membenarkan tempoh tenggang selama 60 hari daripada tarikh sumbangan patut dibayar untuk pembayaran sebarang sumbangan. Sijil takaful ini masih berkuatkuasa dalam tempoh tersebut. Sijil takaful ini akan luput atau berhenti berkuatkuasa selepas tempoh tenggang.

19.4 Tuntutan manfaat

Jika kami telah meluluskan tuntutan di bawah sijil takaful ini, dan kejadian yang berlaku adalah dalam tempoh tenggang atau dalam tahun sijil itu, kami akan menolak sebarang amaun yang pemilik sijil terhutang kepada kami dan sumbangan yang perlu dibayar setakat tarikh kejadian daripada manfaat yang perlu dibayar.

20. Nilai tunai

- 20.1 Sijil takaful tidak memperolehi sebarang nilai tunai.

21. Pengembalian semula sijil

- 21.1 Jika sijil takaful tamat, pemilik sijil boleh mengembalikan semula sijil tersebut dalam 12 bulan dari tarikh akhir sumbangan yang perlu dibayar tetapi tidak dijelaskan, tertakluk kepada syarat berikut:

- a) melengkapkan dan menandatangani borang pengembalian semula;
- b) memperakui dengan jujur dan benar kesemua fakta yang terdapat di dalam borang pengembalian semula;

- c) menyediakan semua maklumat (jika ada) yang telah kami minta;
 - d) membayar semua sumbangan tertunggak yang kami tentukan; dan
 - e) sebarang terma dan syarat lain yang mungkin kami kenakan pada masa pendaftaran.
- 21.2 Kami bergantung kepada kebenaran kenyataan yang dibuat di dalam borang pengembalian semula, perakuan, kenyataan peribadi dan sebarang kenyataan lain yang dibuat kepada pemeriksa perubatan kami, soal-selidik, pengendorsan atau pindaan bertulis.
- 21.3 Jika kami mendapat tahu terdapat sebarang maklumat yang tidak benar atau disembunyikan, kami akan mengenepikan (dan seterusnya menamatkan) sijil yang dikembalikan semula ini. Kami hanya boleh melakukannya dalam masa 2 tahun pertama selepas pengembalian semula sijil, kecuali kami dapat membuktikan berlaku penipuan atau pemilik sijil gagal membayar sumbangan.
- 21.4 Jika kami mengenepikan mana-mana sijil yang dikembalikan semula (atas sebab selain daripada penipuan), kami akan memulangkan jumlah tabarru' yang dikutip ditolak sebarang lebihan terkumpul dikongsidi tarikh pengembalian semula terakhir.
- 21.5 Kami tidak akan memberi perlindungan takaful di bawah sijil takaful dalam tempoh antara tarikh pelupusan sijil dan tarikh penguatkuasaan semula yang kami setujui.

22. Pembaharuan bersyarat

- 22.1 Manfaat-manfaat tambahan akan diperbaharui setiap tahun tertakluk kepada bayaran sumbangan dalam tempoh tenggang dan terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak induk ini.
- 22.2 Tiada dokumen pembaharuan akan dikeluarkan semasa pembaharuan. Kontrak induk dan sijil takaful ini akan terus digunakan.
- 22.3 Kadar sumbangan pembaharuan untuk manfaat-manfaat utama dan tambahan adalah tidak dijamin. Kami berhak untuk menyemak kadar sumbangan pada tarikh ulangtahun sijil seterusnya dengan memberi notis bertulis 90 hari lebih awal kepada anda dan pemilik sijil. Sebarang perubahan dalam kadar sumbangan tersebut, jika ada, akan sah ke atas semua pemilik-pemilik sijil tanpa mengambil kira pengalaman tuntutan individu.
- 22.4 Kami tidak akan memperbaharui manfaat-manfaat tambahan jika kami mengambil keputusan untuk menamatkan pengurusan manfaat-manfaat tambahan sebagaimana dinyatakan di bawah klausu 23.

23. Syarat penarikan balik produk takaful

- 23.1 Kami berhak untuk membatalkan manfaat-manfaat tambahan di bawah kontrak induk ini jika kami mengambil keputusan untuk menamatkan pengurusan manfaat-manfaat tambahan dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya 60 hari lebih awal kepada anda dan pemilik sijil.
- 23.2 Perlindungan manfaat-manfaat tambahan, tertakluk pada bayaran sumbangan dalam tempoh tenggang, akan berterusan sehingga tarikh sumbangan patut dibayar yang akan datang selepas tempoh notis.
- 23.3 Pembatalan apa-apa manfaat tambahan, jika ada, tidak akan menjelas perlindungan untuk manfaat-manfaat utama dan perlindungan tersebut akan terus terpakai.

24. Hak milik

- 24.1 Anda adalah pemilik sah kontrak induk ini.
- 24.2 Anda boleh menggunakan semua hak dan pilihan yang disediakan oleh kontrak induk ini (bergantung kepada hak sebarang penama atau penerima pindahan kontrak ini yang sah di sisi undang-undang).

25. Penama

- 25.1 Pemilik sijil yang telah mencapai umur 16 tahun, boleh menamakan seseorang untuk menerima wang yang perlu dibayar atas kematiannya di bawah sijil takaful sama ada sebagai wasi, atau sebagai benefisiari di bawah hibah bersyarat. Penamaan boleh dibuat semasa pendaftaran sijil atau pada bila-bila masa selepas kontrak dikeluarkan.
- 25.2 Penama yang dinamakan di dalam borang penamaan atau apa-apa pindaan yang pemilik sijil buat pada masa hadapan, akan menerima manfaat kematian mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Pemilik sijil boleh membatalkan atau menukar penama pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Notis bertulis hendaklah diterima dan didaftarkan oleh kami semasa hayat orang yang dilindungi. Pembatalan dan perubahan penama akan berkuatkuasa dari tarikh kami menerima notis bertulis tersebut.

26. Yuran wakalah

- 26.1 Kami akan menolak yuran wakalah daripada sumbangan yang dibayar bagi kontrak induk ini. Ia adalah peratusan (%) daripada sumbangan seperti yang ditetapkan di bawah jadual yuran wakalah.
- 26.2 Kami berhak untuk menyemak semula peratusan ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis kepada anda dan pemilik sijil 90 hari lebih awal. Semakan akan berkuatkuasa pada ulangtahun sijil yang berikutnya selepas tempoh notis.

27. Tabarru'

- 27.1 Kami akan mengambil tabarru' iaitu sumbangan yang dibayar ditolak yuran wakalah, dan jumlah tersebut diperuntukan ke dalam dana tabarru' peserta seperti yang dinyatakan dalam klaus 28.

28. Dana tabarru' peserta

- 28.1 Tabarru' akan diperuntukan ke dalam dana tabarru' peserta, yang merupakan dana pegangan di mana kami membayar semua manfaat takaful seperti yang dinyatakan di bawah kontrak induk ini.
- 28.2 Kami akan menguruskan aset dana tabarru' peserta dan menentukan bagaimana ia dilabur dan diurus sejajar dengan Shariah.
- 28.3 Kami akan membayar semua kos, perbelanjaan dan caj untuk pengurusan dan pelaburan aset dana tabarru' peserta serta lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan dana tabarru' peserta.
- 28.4 Sebarang lebihan daripada dana tabarru' peserta selepas pembayaran balik Qard (jika ada), akan dikongsi seperti yang berikut:
 - a) 50% kepada kami; dan

b) 50% kepada anda.

- 28.5 Jika dana tabarru' peserta adalah tidak mencukupi untuk membayar manfaat takaful, kami akan mengaturkan Qard (pinjaman tanpa faedah) dari dana kami untuk membayar kekurangan tersebut. Qard akan dibayar balik apabila terdapat keuntungan di dalam dana tabarru' peserta.
- 28.6 Jika lebihan bersih yang perlu dibayar kepada pemilik sijil adalah kurang daripada atau bersamaan dengan RM10, lebihan bersih tersebut akan digunakan sebagai derma kepada mana-mana badan kebajikan yang diluluskan oleh jawatankuasa Shariah kami berdasarkan termatertama dan syarat-syarat sijil takaful

29. Notis tuntutan

- 29.1 Pemilik sijil atau wakil sah pemilik sijil mestilah memberi notis bertulis mengenai tuntutan di ibu pejabat kami dalam tempoh masa 30 hari dari tarikh kejadian yang dilindungi berlaku.

30. Bukti tuntutan

- 30.1 Bukti tuntutan yang memuaskan perlu diberikan kepada kami dalam tempoh masa 30 hari dari tarikh pemberian notis tuntutan kepada kami atas perbelanjaan pemilik sijil atau wakil sah pemilik sijil.
- 30.2 Kami berhak untuk meminta sebarang dokumen (dokumen-dokumen) tambahan lain sekiranya perlu untuk menyokong tuntutan.
- 30.3 Kami berhak untuk meminta orang yang dilindungi untuk menjalani pemeriksaan perubatan pada bila-bila masa oleh pemeriksa yang berkelayakan dari segi undang-undang dan yang kami lantik, atas perbelanjaan kami, untuk menyokong tuntutan.

31. Membayar manfaat-manfaat

- 31.1 Kami akan membayar manfaat-manfaat takaful yang berkenaan di bawah sijil takaful kepada pemilik sijil menurut peruntukan manfaat yang terkandung di sini.
- 31.2 Manfaat-manfaat takaful yang berkenaan dengan orang yang dilindungi adalah ditentukan berdasarkan sijil yang dikeluarkan bagi orang yang dilindungi tersebut.

32. Aktiviti rekreasi dan sukan

- 32.1 Kontrak induk ini memberikan perlindungan takaful untuk semua aktiviti yang disenaraikan di bawah, tertakluk kepada orang yang dilindungi mengambil bahagian di dalam aktiviti ini atas dasar rekreasi dan bukan untuk sebarang perlumbaan, kelajuan atau ujian masa atau sebagai profesional.
- 32.2 Memanah (di bawah pengawasan), badminton, kriket pantai, bola sepak dan bola tampar, bowling, berkanu, berkayak dan berakit (gred 1 dan 2 sahaja), menembak burung tanah liat (di bawah pengawasan), *curling*, berbasikal (bukan basikal lumba lasak, berbasikal gunung atau perlumbaan), lawan pedang (pakaian perlindungan mesti digunakan), memancing (bukan memancing laut dalam), golf, menunggang kuda (bukan memburu, melompat atau polo), belon udara panas (penumpang sahaja dan dianjurkan oleh operator percutian), mendaki gunung yang tidak memerlukan tali atau jurupandu, layar-layang (di atas air), trek berkuda, *racquetball*, bersepatu roda atau luncur (pakaian perlindungan mesti digunakan), raunders, mendayung (air pedalaman sahaja), safari (kamera sahaja dan dianjurkan oleh operator percutian), snorkeling, skuash, berenang, ping pong, tenis, lompat trampolin, tarik tali, polo air.

33. Duti setem

33.1 Duti setem sebanyak RM10 akan ditanggung oleh kami.

LAMPIRAN SMH004

Pengecualian-pengecualian am dan had-had

1. Pengenaan pengecualian-pengecualian

- 1.1 Pengecualian-pengecualian ini akan dikenakan kepada orang yang dilindungi hanya jika peruntukan-peruntukan manfaat membuat rujukan kepada lampiran ini.

2. Pengecualian-pengecualian akibat penyakit tertentu :

- 2.1 Kami tidak melindungi sebarang kematian atau hilang upaya atau kemasukan hospital atau sebarang perbelanjaan perubatan dan pembedahan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahaginya, oleh mana-mana yang berikut:
- a) Kejadian yang dilindungi berlaku dalam tempoh 30 hari dari tarikh sijil berkuatkuasa atau tarikh pengembalian semula terakhir, yang mana terkemudian;
 - b) Sebab-sebab lain selain daripada penyakit berjangkit tertentu; atau
 - c) Sebarang keadaan sedia ada. Dalam kes ini, sijil takaful akan ditamatkan dan jumlah sumbangan yang dibayar akan dipulangkan.

3. Pengecualian-pengecualian akibat kemalangan

- 3.1 Manfaat-manfaat tidak akan dikenakan atau dibayar sekiranya kematian atau hilang upaya disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahaginya, oleh mana-mana yang berikut:
- a) Membunuh diri, percubaan membunuh diri atau mencederakan/membahayakan diri sendiri tanpa mengambil kira keadaan mental orang yang dilindungi, pendedahan kepada risiko atau bahaya secara keterlaluan akibat kecuaian atau secara sengaja;
 - b) Semasa atau kerana orang yang dilindungi berada di bawah pengaruh alkohol, narkotik dan/atau dadah atau menyertai sebarang tindakan jenayah atau pergaduhan;
 - c) Penglibatan secara langsung atau tidak langsung di dalam, atau sebagai mangsa, sebarang bentuk perperangan, keganasan, pengganas, sebarang aktiviti menyalahi undang-undang, atau mendahagi atau rampasan kuasa, pemberontakan tentera, penentangan, konspirasi, rampasan atau kuasa tentera, pemerintahan tentera atau darurat, pengepungan atau sebarang peristiwa atau punca yang menentukan perisytiharan atau penggunaan pemerintahan tentera atau darurat; dan sebarang tindakan mana-mana orang yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi dengan aktiviti yang menjurus kepada penggulingan secara paksa atau sebarang kerajaan de jure atau de facto;
 - d) Perjalanan dalam mana-mana kapal terbang, kecuali sebagai penumpang tambang berbayar dalam kapal terbang komersil berjadual biasa atau menunggang motosikal (kedua-dua sebagai penunggang dan pembonceng) untuk tujuan perniagaan;
 - e) Terlibat dalam sebarang aktiviti berbahaya termasuk seni mempertahankan diri, tinju, luncur angin, payung terjun, luncur, menyelam skuba, terjun bungee, perlumbaan motor,

- terjun udara, mendaki gunung, memanjat batu atau aktiviti bawah air dengan kedalaman lebih daripada 30 meter melibatkan penggunaan peralatan pernafasan;
- f) Semasa terlibat dalam aktiviti sukan professional dalam apa jua bentuk;
- g) Berkhidmat secara aktif dalam mana-mana tentera laut, tentera darat, tentera udara, pasukan ketenteraan, perkhidmatan bomba, pertahanan awam, polis atau organisasi penguatkuasaan undang-undang;
- h) Pendedahan dari sebarang bahan radiasi dari sebarang sumber;
- i) Hernia, jangkitan, penyakit, kehamilan, melahirkan anak, keguguran atau keracunan makanan, Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Komplikasi Berkaitan AIDS (ARC), keadaan atau masalah fizikal sedia ada dan komplikasi secara langsung atau tidak langsung daripadanya;
- j) Sebarang komplikasi akibat gigitan nyamuk;
- k) Sebarang jangkitan virus, parasit atau bakteria; atau
- l) Sebarang kecacatan atau ketidakupayaan fizikal atau mental yang sedia ada.

4. Had-had

4.1 Pasangan (yang mana berkenaan)

Tiada manfaat akan dibayar untuk sebarang tuntutan ke atas nama pasangan dalam sijil takaful, jika pasangan yang dinamakan itu, ketika kejadian berlaku, bukan pasangan seperti yang ditakrifkan.

4.2 Anak tiri (yang mana berkaitan)

Tiada manfaat akan dibayar untuk sebarang tuntutan ke atas anak tiri seperti ditakrifkan, jika:

- a) orang prinsipal yang dilindungi dan pasangan yang merupakan ibubapa kandung anak tiri ketika kejadian berlaku, telah bercerai; atau
- b) pasangan yang merupakan ibubapa kandung anak tiri tersebut, ketika kejadian berlaku, bukan pasangan seperti ditakrifkan di dalam kontrak induk.

4.3 Kanak-kanak (yang mana berkaitan)

Untuk kanak-kanak sebagaimana ditakrifkan di dalam kontrak induk yang berumur di antara 21 tahun dan 23 tahun (termasuk), tiada manfaat akan dibayar dibayar untuk sebarang tuntutan ke atas kanak-kanak tersebut, jika kanak-kanak tersebut, ketika kejadian berlaku, bukan lagi pelajar berdaftar sepenuh masa di institusi pendidikan yang diiktiraf.

LAMPIRAN SMH005

Peruntukan manfaat – Kematian akibat penyakit berjangkit tertentu

1. Kematian akibat penyakit berjangkit tertentu

- 1.1 Tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak induk ini, sewaktu sijil takaful berkuatkuasa, sekiranya kami menerima bukti yang memuaskan mengenai kematian orang yang dilindungi akibat penyakit berjangkit tertentu dan apabila tuntutan tersebut diluluskan, kami akan membayar jumlah manfaat seperti yang dinyatakan di dalam sijil takaful atau sebarang pengendorsan yang meminda jumlah manfaat. Kami akan menolak mana-mana jumlah yang pemilik sijil berhutang kepada kami dan sebarang jumlah yang telah dibayar sebelumnya di bawah manfaat pilihan jenis dipercepatkan (yang mana berkaitan).
- 1.2 Manfaat akan dibayar dari dana tabarru' peserta.
- 1.3 Sekiranya terdapat tuntutan diluluskan dalam skim di bawah manfaat ini untuk orang yang dilindungi (tidak termasuk pemilik sijil) sewaktu sijil takaful berkuatkuasa, kelayakan diskaun tiada tuntutan (yang mana berkaitan) akan dilupuskan, berkuatkuasa dari tarikh ulangtahun sijil seterusnya, daripada semua sumbangan perlu dibayar sepanjang tahun sijil tersebut, dan pemantauan pengalaman tuntutan di bawah skim akan dinilai semula dari tarikh ulangtahun sijil tersebut.

2. Pengecualian-pengecualian

- 2.1 Pengecualian-pengecualian yang dikenakan di bawah manfaat ini akan merujuk kepada lampiran SMH004.

3. Penamatan perlindungan

- 3.1 Perlindungan untuk orang yang dilindungi di bawah sijil takaful akan tamat apabila orang yang dilindungi meninggal dunia atau tidak lagi layak tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak induk ini.

LAMPIRAN SMH006

Peruntukan manfaat – Hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) akibat penyakit berjangkit tertentu

1. Hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) akibat penyakit berjangkit tertentu

- 1.1 Tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak ini, sewaktu sijil takaful berkuatkuasa, sekiranya kami menerima bukti yang memuaskan mengenai hilang upaya menyeluruh dan kekal akibat penyakit berjangkit tertentu (seperti ditakrifkan) berlaku ke atas orang yang dilindungi dan apabila tuntutan tersebut diluluskan, kami akan membayar jumlah manfaat seperti yang dinyatakan di dalam sijil takaful atau sebarang pengendorsan yang meminda jumlah manfaat. Kami akan menolak mana-mana jumlah yang pemilik sijil berhutang kepada kami dan sebarang jumlah yang telah dibayar sebelumnya di bawah manfaat pilihan jenis dipercepatkan (yang mana berkaitan).
- 1.2 Manfaat akan dibayar dari dana tabarru' peserta.
- 1.3 Jumlah agregat maksimum untuk manfaat-manfaat TPD yang dibayar berkaitan dengan orang yang dilindungi di bawah kontrak ini dan semua polisi atau sijil individu dan berkelompok yang lain yang kami keluarkan tidak akan melebihi RM2,000,000.
- 1.4 Sekiranya terdapat tuntutan diluluskan dalam skim di bawah manfaat ini untuk orang yang dilindungi (tidak termasuk pemilik sijil) sewaktu sijil takaful berkuatkuasa, kelayakan diskaun tiada tuntutan (yang mana berkaitan) akan dilupuskan, berkuatkuasa dari tarikh ulangtahun sijil seterusnya, daripada semua sumbangan perlu dibayar sepanjang tahun sijil tersebut, dan pemantauan pengalaman tuntutan di bawah skim akan dinilai semula dari tarikh ulangtahun sijil tersebut.

2. Pengecualian-pengecualian

- 2.1 Pengecualian-pengecualian yang dikenakan di bawah manfaat ini akan merujuk kepada lampiran SMH004.

3. Notis tuntutan

- 3.1 Kami mesti menerima notis tuntutan bertulis :
 - (a) di ibu pejabat kami;
 - (b) semasa hayat orang yang dilindungi;
 - (c) semasa ketidakupayaan orang yang dilindungi; dan
 - (d) dalam tempoh 30 hari dari permulaan ketidakupayaan.

4. Bukti ketidakupayaan

- 4.1 Orang yang dilindungi mesti memberi bukti TPD kepada kami sebelum kami mempertimbangkan tuntuan ini. Orang yang dilindungi mesti membayar sebarang kos yang berkenaan dengan ini.
- 4.2 Kami tidak akan mempertimbangkan sebarang ketidakupayaan yang berlangsung kurang daripada 6 bulan.

- 4.3 Kami mungkin akan meminta bukti bahawa TPD adalah menyeluruh dan kekal. Kita boleh melakukan ini pada jangka masa yang munasabah.
- 4.4 Kami berhak untuk meminta orang yang dilindungi untuk menjalani pemeriksaan perubatan pada bila-bila masa oleh pemeriksa yang berkelayakan dari segi undang-undang dan yang kami lantik, atas perbelanjaan kami, untuk menyokong tuntutan TPD.

5. Penamatan perlindungan

- 5.1 Perlindungan untuk orang yang dilindungi di bawah sijil takaful akan tamat apabila orang yang dilindungi mengalami TPD atau tidak lagi layak tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan di dalam kontrak induk ini.

LAMPIRAN SMH007

Peruntukan manfaat – Kematian akibat kemalangan

1. Kematian akibat kemalangan

- 1.1 Tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak induk ini, sewaktu sijil takaful ini berkuatkuasa, sekiranya kami menerima bukti yang memuaskan mengenai kematian orang yang dilindungi akibat kemalangan (seperti ditakrifkan) dan apabila tuntutan tersebut diluluskan, kami akan membayar jumlah manfaat, seperti yang dinyatakan di dalam sijil takaful atau sebarang pengendorsan yang meminda jumlah manfaat. Kami akan menolak mana-mana jumlah yang pemilik sijil berhutang kepada kami dan sebarang jumlah yang telah dibayar sebelumnya di bawah manfaat pilihan jenis dipercepatkan (yang mana berkaitan).
- 1.2 Manfaat ini akan dibayar tertakluk kepada kematian orang yang dilindungi berlaku dalam masa 180 hari dari tarikh kemalangan semasa sijil takaful berkuatkuasa.
- 1.3 Manfaat akan dibayar dari dana tabarru' peserta.
- 1.4 Sekiranya terdapat tuntutan diluluskan dalam skim di bawah manfaat ini untuk orang yang dilindungi (tidak termasuk pemilik sijil) sewaktu sijil takaful berkuatkuasa, kelayakan diskaun tiada tuntutan (yang mana berkaitan) akan dilupuskan, berkuatkuasa dari tarikh ulangtahun sijil seterusnya, daripada semua sumbangan perlu dibayar sepanjang tahun sijil tersebut, dan pemantauan pengalaman tuntutan di bawah skim akan dinilai semula dari tarikh ulangtahun sijil tersebut.

2. Hilang

- 2.1 Kami akan membayar manfaat kematian jika orang yang dilindungi hilang semasa sijil takaful berkuatkuasa dan mayatnya tidak ditemui dalam masa 365 hari selepas kehilangan beliau, dan kami berpuashati dengan bukti yang menunjukkan bahawa beliau telah mengalami kecederaan tubuh akibat kemalangan dan kecederaan tersebut telah menyebabkan kematian, dengan syarat pihak yang akan dibayar manfaat tersebut harus menandatangi perjanjian untuk memulangkan kepada kami jumlah yang diterima sekiranya orang yang dilindungi, kemudiannya, ditemui masih hidup.

3. Pengecualian-pengecualian

- 3.1 Pengecualian-pengecualian yang dikenakan di bawah manfaat ini akan merujuk kepada lampiran SMH004.

4. Penamatan perlindungan

- 4.1 Perlindungan untuk orang yang dilindungi di bawah sijil takaful akan tamat apabila orang yang dilindungi meninggal dunia atau tidak lagi layak tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan di dalam kontrak induk ini.

LAMPIRAN SMH008

Peruntukan manfaat – Hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) akibat kemalangan

1. Hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) akibat kemalangan

- 1.1 Tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak induk ini, sewaktu sijil takaful ini berkuatkuasa, sekiranya kami menerima bukti yang memuaskan mengenai hilang upaya menyeluruh dan kekal akibat kemalangan (seperti ditakrifkan) berlaku ke atas orang yang dilindungi dan apabila tuntutan tersebut diluluskan, kami akan membayar jumlah manfaat seperti yang dinyatakan di dalam sijil takaful atau sebarang pengendorsan yang meminda jumlah manfaat. Kami akan menolak mana-mana jumlah yang pemilik sijil berhutang kepada kami dan sebarang jumlah yang telah dibayar sebelumnya di bawah manfaat pilihan jenis dipercepatkan (yang mana berkaitan).
- 1.2 Manfaat ini akan dibayar tertakluk kepada TPD orang yang dilindungi berlaku dalam masa 180 hari dari tarikh kemalangan semasa sijil takaful berkuatkuasa.
- 1.3 Manfaat akan dibayar dari dana tabarru' peserta.
- 1.4 Jumlah agregat maksimum untuk manfaat-manfaat TPD yang dibayar berkaitan dengan orang yang dilindungi di bawah kotrak ini dan semua polisi atau sijil individu dan berkelompok yang lain yang kami keluarkan tidak akan melebihi RM2,000,000.
- 1.5 Sekiranya terdapat tuntutan diluluskan dalam skim di bawah manfaat ini untuk orang yang dilindungi (tidak termasuk pemilik sijil) sewaktu sijil takaful berkuatkuasa, kelayakan diskaun tiada tuntutan (yang mana berkaitan) akan dilupuskan, berkuatkuasa dari tarikh ulangtahun sijil seterusnya, daripada semua sumbangan perlu dibayar sepanjang tahun sijil tersebut, dan pemantauan pengalaman tuntutan di bawah skim akan dinilai semula dari tarikh ulangtahun sijil tersebut.

2. Pengecualian-pengecualian

- 2.1 Pengecualian-pengecualian yang dikenakan di bawah manfaat ini akan merujuk kepada lampiran SMH004.

3. Notis tuntutan

- 3.1 Kami mesti menerima notis tuntutan bertulis:
 - (a) di ibu pejabat kami;
 - (b) semasa hayat orang yang dilindungi;
 - (c) semasa ketidakupayaan orang yang dilindungi; dan
 - (d) dalam tempoh 30 hari dari permulaan ketidakupayaan.

4. Bukti ketidakupayaan

- 4.1 Orang yang dilindungi mesti memberi bukti TPD kepada kami sebelum kami mempertimbangkan tuntutan ini. Orang yang dilindungi mesti membayar sebarang kos yang berkenaan dengan ini.

- 4.2 Kami tidak akan mempertimbangkan sebarang ketidakupayaan yang berlangsung kurang daripada 6 bulan.
- 4.3 Kami mungkin akan meminta bukti bahawa TPD adalah menyeluruh dan kekal. Kita boleh melakukan ini pada jangka masa yang munasabah.
- 4.4 Kami berhak untuk meminta orang yang dilindungi untuk menjalani pemeriksaan perubatan pada bila-bila masa oleh pemeriksa yang berkelayakan dari segi undang-undang dan yang kami lantik, atas perbelanjaan kami, untuk menyokong tuntutan TPD.

5. Penamatan perlindungan

- 5.1 Perlindungan untuk orang yang dilindungi di bawah sijil takaful akan tamat apabila orang yang dilindungi mengalami TPD atau tidak lagi layak tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan di dalam kontrak induk ini.

LAMPIRAN SMH009

Peruntukan manfaat – Kematian akibat kemalangan dalam pengangkutan awam

1. Kematian akibat kemalangan dalam pengangkutan awam

- 1.1 Tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak induk ini, sewaktu sijil takaful ini berkuatkuasa, sekiranya kami menerima bukti yang memuaskan mengenai kematian akibat kemalangan orang yang dilindungi ketika beliau menggunakan pengangkutan awam dan pengangkutan awam tersebut terlibat dalam kemalangan yang sama dan apabila tuntutan tersebut diluluskan, kami akan membayar tambahan 100% daripada jumlah manfaat kematian akibat kemalangan seperti yang dinyatakan di dalam sijil takaful atau sebarang pengendorsan yang meminda jumlah manfaat. Kami akan menolak mana-mana jumlah yang pemilik sijil berhutang kepada kami dan sebarang jumlah yang telah dibayar sebelumnya di bawah manfaat pilihan jenis dipercepatkan (yang mana berkaitan).
- 1.2 Manfaat ini akan dibayar tertakluk kepada kematian orang yang dilindungi berlaku dalam masa 180 hari dari tarikh kemalangan semasa sijil takaful berkuatkuasa.
- 1.3 Manfaat akan dibayar dari dana tabarru' peserta.
- 1.4 Sekiranya terdapat tuntutan diluluskan dalam skim di bawah manfaat ini untuk orang yang dilindungi (tidak termasuk pemilik sijil) sewaktu sijil takaful berkuatkuasa, kelayakan diskaun tiada tuntutan (yang mana berkaitan) akan dilupuskan, berkuatkuasa dari tarikh ulangtahun sijil seterusnya, daripada semua sumbangan perlu dibayar sepanjang tahun sijil tersebut, dan pemantauan pengalaman tuntutan di bawah skim akan dinilai semula dari tarikh ulangtahun sijil tersebut.

2. Pengecualian-pengecualian

- 2.1 Pengecualian-pengecualian yang dikenakan di bawah manfaat ini akan merujuk kepada lampiran SMH004

3. Penamatan perlindungan

- 3.1 Perlindungan untuk orang yang dilindungi di bawah sijil takaful akan tamat apabila orang yang dilindungi meninggal dunia atau tidak lagi layak tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan di dalam kontrak induk ini.

LAMPIRAN SMH010

1. Peruntukan manfaat - Bonus pembaharuan

- 1.1 Orang yang dilindungi adalah layak menerima peningkatan jumlah yang dilindungi sebanyak 10% bermula dari tarikh ulangtahun kedua dan maksimum sehingga 20% peningkatan untuk tarikh ulang tahun sijil yang berikutnya dengan syarat sumbangan pembaharuan telah dibayar.
- 1.2 Jumlah perlindungan untuk manfaat utama selepas itu, akan kekal seperti semasa peningkatan terakhir.
- 1.3 Bonus pembaharuan ini akan dibayar sebagai tambahan kepada jumlah perlindungan yang dibayar di bawah manfaat utama. Jumlah perlindungan bagi manfaat utama itu merujuk kepada manfaat kematian akibat kemalangan, manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal akibat kemalangan, manfaat kematian akibat kemalangan dalam pengangkutan awam dan manfaat kematian atau hilang upaya menyeluruh dan kekal akibat penyakit berjangkit tertentu. Jumlah tambahan yang akan dibayar merupakan peratusan kepada manfaat utama seperti jadual di bawah.

| Tahun sijil | Bonus pembaharuan (Jumlah manfaat tambahan adalah peratusan kepada manfaat utama) |
|------------------|--|
| 1 | 0% |
| 2 | 10% |
| 3 dan seterusnya | 20% |

LAMPIRAN SMH011

Peruntukan manfaat - Diskaun tiada tuntutan

1. Diskaun tiada tuntutan

- 1.1 Tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak induk ini, sewaktu sijil takaful ini berkuatkuasa, setelah dikesan dan disahkan bahawa tiada tuntutan dibuat ke atas setiap orang yang dilindungi di bawah skim tersebut bagi 1 tahun sijil penuh, kami akan memberi diskau 20% ke atas kadar sumbangan seperti yang dinyatakan dalam jadual kontrak induk, berkuatkuasa dari tarikh ulangtahun sijil seterusnya, untuk semua sumbangan yang perlu dibayar sepanjang tahun sijil tersebut.
- 1.2 Kelayakan diskau tiada tuntutan ini bukan kumulatif dan tertakluk kepada diskau maksimum sebanyak 20%. Kelayakan pertama untuk manfaat ini (jika ada) hanya akan diberi bermula dari tarikh ulangtahun sijil yang kedua.
- 1.3 Kelayakan diskau tiada tuntutan akan dilupuskan, berkuatkuasa dari tarikh ulangtahun sijil seterusnya, daripada semua sumbangan perlu dibayar sepanjang tahun sijil tersebut, dan pemantauan pengalaman tuntutan di bawah skim akan dinilai semula dari tarikh ulangtahun sijil tersebut, sekiranya terdapat sebarang tuntutan diluluskan dalam skim.

LAMPIRAN SMH012

Peruntukan manfaat – Manfaat pendapatan hospital harian akibat penyakit berjangkit tertentu

1. Pendapatan hospital harian akibat penyakit berjangkit tertentu

- 1.1 Tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak induk ini, sewaktu sijil takaful ini berkuatkuasa, setelah menerima bukti yang memuaskan bahawa kemasukan hospital orang yang dilindungi (seperti yang ditakrifkan) adalah disebabkan secara langsung oleh penyakit berjangkit tertentu dan apabila tuntutan tersebut diluluskan, kami akan membayar balik jumlah manfaat seperti yang dinyatakan di dalam sijil takaful atau sebarang pengendorsan yang meminda jumlah manfaat, kemasukan hospital sehari. Kami akan menolak mana-mana jumlah yang pemilik sijil berhutang kepada kami.
- 1.2 Manfaat ini akan dibayar tertakluk kepada:
 - a) kemasukan hospital berlaku disebabkan oleh penyakit berjangkit tertentu dan sewaktu sijil takaful berkuatkuasa;
 - b) tempoh minimum kemasukan hospital ialah 6 jam; dan
 - c) kemasukan hospital adalah diperlukan dari segi perubatan;
- 1.3 Manfaat akan dibayar sehingga maksimum 60 hari bagi kemasukan hospital untuk setiap tahun sijil.
- 1.4 Manfaat akan dibayar dari dana tabarru' peserta.
- 1.5 Kemasukan hospital sehari adalah berdasarkan caj seharian yang diguna pakai oleh hospital berdaftar yang berkenaan. Jika orang yang dilindungi dimasukkan ke dua atau lebih hospital dalam satu hari kalender, kami, apabila diluluskan akan membayar hanya satu manfaat pendapatan hospital harian untuk setiap hari kalender kemasukan hospital.
- 1.6 Perlindungan termasuk mana-mana hospital swasta atau kerajaan, wad umum dan unit penjagaan khas.
- 1.7 Manfaat ini bukan kumulatif; walau bagaimanapun, manfaat yang telah dibayar akan dikuatkuasakan semula pada setiap tarikh ulangtahun sijil, tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak induk ini.
- 1.8 Sekiranya terdapat tuntutan diluluskan dalam skim di bawah manfaat ini, kelayakan diskau tiada tuntutan (yang mana berkaitan) akan dilupuskan, berkuatkuasa dari tarikh ulangtahun sijil seterusnya, daripada semua sumbangan perlu dibayar sepanjang tahun sijil tersebut, dan pemantauan pengalaman tuntutan di bawah skim akan dinilai semula dari tarikh ulangtahun sijil tersebut.

2. Pengecualian-pengecualian

- 2.1 Pengecualian-pengecualian yang dikenakan di bawah manfaat ini akan merujuk kepada lampiran SMH004.

3. Penamatan perlindungan

- 3.1 Perlindungan untuk orang yang dilindungi di bawah sijil takaful akan tamat apabila orang yang dilindungi meninggal dunia, mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal atau tidak lagi layak tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan di dalam kontrak induk ini atau berikutan notis penarikan balik produk takaful oleh kami seperti yang dinyatakan di bawah klausu 23.

LAMPIRAN SMH013

Peruntukan manfaat – Manfaat perbelanjaan perubatan dan pembedahan akibat penyakit berjangkit tertentu

1. Perbelanjaan perubatan dan pembedahan akibat penyakit berjangkit tertentu

- 1.1 Tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak induk ini, sewaktu sijil takaful ini berkuatkuasa, setelah menerima bukti yang memuaskan bahawa rawatan perubatan dan pembedahan oleh doktor atau pakar bedah yang diperlukan adalah disebabkan secara langsung oleh penyakit berjangkit tertentu dan apabila tuntutan tersebut diluluskan, kami akan membayar balik perbelanjaan perubatan dan pembedahan yang ditanggung untuk rawatan tersebut, caj hospital/pembedahan, caj bilik bedahan, caj pakar bius, yuran doktor, yuran pakar bedah dan perbelanjaan lain yang berkaitan dengan perubatan atau pembedahan sahaja, tertakluk kepada jumlah maksimum seperti yang dinyatakan di dalam sijil takaful atau sebarang pengendorsan yang meminda jumlah manfaat. Kami akan menolak mana-mana jumlah yang pemilik sijil berhutang kepada kami.
- 1.2 Manfaat ini akan dibayar tertakluk kepada:
 - a) perbelanjaan perubatan dan pembedahan yang ditanggung disebabkan oleh penyakit berjangkit tertentu dan sewaktu sijil takaful berkuatkuasa;
 - b) rawatan perubatan dan pembedahan dilakukan ke atas orang yang dilindungi oleh doktor atau pakar bedah dari klinik dan hospital berdaftar;
 - c) rawatan perubatan dan pembedahan adalah diperlukan dari segi perubatan; dan
 - d) perbelanjaan perubatan dan pembedahan yang dikenakan adalah caj yang biasa dan berpatutan.
- 1.3 Manfaat akan dibayar dari dana tabarru' peserta.
- 1.4 Untuk perbelanjaan perubatan dan pembedahan akibat penyakit berjangkit tertentu tersebut, sebagaimana mungkin terjadi, telah dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya oleh pihak lain, kami hanya akan membayar jumlah baki selain daripada jumlah yang telah dibayar oleh pihak yang ketiga tersebut.
- 1.5 Semua tuntutan mestilah disertakan bukti dan disokong oleh bil dan resit asal.
- 1.6 Manfaat ini bukan kumulatif; walau bagaimanapun, manfaat yang telah dibayar akan dikuatkuasakan semula pada setiap tarikh ulangtahun sijil, tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak induk ini.
- 1.7 Sekiranya terdapat tuntutan diluluskan dalam skim di bawah manfaat ini, kelayakan diskau tiada tuntutan (yang mana berkaitan) akan dilupuskan, berkuatkuasa dari tarikh ulangtahun sijil seterusnya, daripada semua sumbangan perlu dibayar sepanjang tahun sijil tersebut, dan pemantauan pengalaman tuntutan di bawah skim akan dinilai semula dari tarikh ulangtahun sijil tersebut.

2. Pengecualian-pengecualian

- 2.1 Pengecualian-pengecualian yang dikenakan di bawah manfaat ini akan merujuk kepada lampiran SMH004.

3. Penamatan perlindungan

- 3.1 Perlindungan untuk orang yang dilindungi di bawah sijil takaful akan tamat apabila orang yang dilindungi meninggal dunia, mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal atau tidak lagi layak tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan di dalam kontrak induk ini atau berikutnya notis penarikan balik produk takaful oleh kami seperti yang dinyatakan di bawah klausula 23.